



**TEKS UCAPAN
MAJLIS PERASMIAN
PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) KUCHING**

**OLEH :
YANG BERTHORMAT DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PADA :
6 NOVEMBER 2016 (AHAD)**



SALUTASI

- i. Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Abdullah
Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti

- ii. Yang Berhormat Hajah Sharifah Hasidah Binti Sayeed Aman Ghazali
Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan
Pembangunan Keluarga

- iii. Yang Berbahagia Datuk Hajah Sharifah Mordiah Bt Tuanku Pauzi
Pengerusi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuching

- iv. Yang Berusaha Puan Hezleen Binti Hassan
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Mewakili Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia

- v. Yang Berusaha Encik Joni Bin Nuruddin
Pemangku Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak

- vi. Rakan-rakan media

- vii. Yang diraikan iaitu semua Ahli-ahli Pusat Aktiviti Warga Emas Kuching

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ditujukan kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kuasanya, dapat kita bersama-sama lagi pada pagi yang indah ini untuk meraikan perasmian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuching.
2. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuching atas jemputan dan kehadiran tuan/puan dalam menjayakan dan memberi sokongan padu untuk menghebahkan serta mempromosikan program-program yang menjurus kepada kepentingan kumpulan sasar Jabatan secara khususnya warga emas amnya.

PERANGKAAN WARGA EMAS

1. Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan mendapati terdapat seramai 1.4 juta orang warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas atau 6.1% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 23.5 juta orang). Berbanding dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia terkini yang dijalankan pada tahun 2010, warga emas merupakan 2.3 juta orang

atau 7.9% daripada jumlah keseluruhan penduduk (iaitu 28.3 juta orang).

2. Bagi Negeri Sarawak, peratusan penduduk warga emas adalah antara yang tertinggi, iaitu 9.5% berbanding negeri-negeri lain. Untuk makluman semua, bilangan penduduk warga emas di Negeri Sarawak adalah seramai 247,600 warga emas berdasarkan bancian penduduk daripada Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak bagi tahun 2014.

MALAYSIA SEBAGAI NEGARA TUA

3. Sementara itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengunjurkan bahawa **Malaysia akan menjadi sebuah negara tua (*aged nation*) pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun dan ke atas akan mencapai 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.** Pada ketika itu, penduduk negara akan mencapai 35.3 juta orang, yang mana 5.3 juta orang merupakan warga emas. Justeru, Malaysia akan menjadi sebuah negara tua menjelang Rancangan Malaysia ke-14.
4. Sehubungan itu, Malaysia perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negara ini. Menyedari hakikat ini serta keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara yang digubal pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang dirangka pada tahun 1998. Susulan kajian

semula ini, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara telah diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011.

5. Dasar Warga Negara merupakan komitmen Kerajaan mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara.
6. Selaras itu, **51 buah** Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) telah ditubuhkan dan telah beroperasi di seluruh negara, dan terdapat **8 buah PAWE di seluruh Sarawak** dengan keahlian seramai lebih 16,000 warga emas. Kuching sahaja mencatatkan 208 ahli yang berdaftar serta jumlah tertinggi keahlian dicatatkan di PAWE Miri dengan lebih 13,000 ahlinya. Kerajaan negeri juga telah menubuhkan Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PPWE) di setiap bahagian Sarawak dengan keahlian melebihi 15,000 warga emas.
7. Kerajaan sesungguhnya amat prihatin dengan mewujudkan satu suasana komuniti warga emas yang produktif pada masa hadapan. Ini dibuktikan dengan pengumuman Perdana Menteri dalam Bajet 2017 baru-baru ini iaitu penubuhan 8 buah PAWE baharu pada tahun hadapan.
8. Pastinya hasrat saya sendiri ,menerusi perancangan masa depan PAWE, saya ingin mewujudkan 222 buah PAWE iaitu sekurang-kurangnya 1 PAWE di setiap kawasan parlimen bagi memberi ruang kepada seluruh warga emas di setiap daerah merasai kemudahan dan

aktiviti yang di sediakan kepada mereka.

PERKHIDMATAN SOKONGAN WARGA EMAS

9. Selain itu, perkhidmatan sokongan seperti bantuan kebajikan diberi kepada golongan warga emas yang memerlukan kerana mengambil kira potensi golongan ini yang masih produktif ke arah hidup berdikari.
10. Setakat bulan September untuk tahun ini, seramai 22,602 kes telah menerima manfaat bagi bantuan bulanan kebajikan di Negeri Sarawak dengan keseluruhan berjumlah lebih 61 juta ringgit. Melihatkan kepada keseluruhan warga emas yang memerlukan bantuan ini maka bagi tahun 2017, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM424 juta untuk 120,000 warga emas, termasuk bantuan sosioekonomi berjumlah RM300 sebulan sebagai saraan hidup dan program wang saku.
11. Kewujudan PAWE kini difokuskan kepada komuniti setempat serta turut dibuka kepada semua warga emas dalam masyarakat sekitar bagi memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk menjalani pelbagai aktiviti di dalam PAWE, sekaligus memperkasakan warga emas di bawah Economic Empowerment Programme (EEP) bagi memberi peluang kepada mereka melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi seterusnya dapat membantu menjana ekonomi mereka.
12. Jabatan juga akan menekankan perluasan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan usahasama institusi-institusi pendidikan dan penglibatan pelajar sekolah yang berhampiran agar

dapat membantu warga emas dalam mempertingkatkan pengetahuan sebagai persediaan mereka di hari tua.

PENUTUP

13. Sebagai kesimpulan, kesejahteraan sosial dan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat Malaysia pada masa ini adalah hasil titik peluh dan usaha gigih generasi terdahulu yang kini menjadi warga emas. Sehubungan itu, adalah menjadi obligasi sosial dan komitmen Kerajaan dengan kerjasama NGO/sector swasta untuk menyediakan persekitaran kondusif sebagai tanda pengiktirafan bagi membolehkan warga emas kita menua secara aktif, produktif dan sihat.
14. Sehubungan itu, saya berharap agar penubuhan PAWE seumpama ini dapat meningkatkan kesedaran dan membentuk masyarakat terhadap warga emas terutamanya hak, peluang dan akses yang sama dalam masyarakat, dan mereka tidak merasa tersisih dan dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara.
15. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kuching.

Wabillahitaufik, Walhidayah, Wassalamualaikum, Warrahmatulahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.